


# Makmal Chemital UMP diiktiraf antarabangsa

Makmal Pengujian Kimia & Mikrobiologi (Chemital) di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), diiktiraf mematuhi piawaian antarabangsa apabila dianugerahkan ISO 14001:2004 bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar dan makmal pertama diintegrasikan bersama Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan (OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2005 Bahagian 1).

Makmal ini turut mendapat pengiktirafan Skim Akreditasi Makmal Malaysia dalam menawarkan kerja-kerja perkhidmatan pengujian terhadap sampel berasaskan dua bidang utama iaitu pengujian kimia dan mikrobiologi.

Makmal ini juga boleh melaksanakan pengujian mikrobiologi seperti bahan produk kosmetik, ubatan tradisional dan bahan mandian. Dengan pengiktirafan ini, industri kecil sederhana (IKS) berpeluang menjalankan pengujian menggunakan kepakaran dan kemudahan di sini.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pengiktirafan ini sejajar dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015 untuk menjadikan UMP peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri terutamanya dalam menawarkan bidang kepakaran dan fasiliti di universiti ini.

"Pengiktirafan ini memberi jaminan kepada industri terhadap mutu produk pengujian yang dijalankan tidak diragui, diakui diiktiraf dan selamat.

Aspek keselamatan amat ditekankan terutamanya dalam menguruskan bahan-bahan kimia yang berbahaya dalam makmal terutamanya yang melibatkan keselamatan warga kerja dan pelajar yang menjalankan kajian," katanya semasa Majlis Penyampaian Sijil ISO dan IMS di Dewan Bankuet 12 April 2011 yang lalu.

Beliau mengharapkan semoga usaha ini menjadi pembakar semangat kepada fakulti-fakulti lain dalam mendapatkan pengiktirafan dari badan-badan profesional yang berkaitan bagi merancakkan hubungan dengan industri di samping menjana pendapatan universiti.

Katanya, usaha-usaha diharapkan dapat menarik minat pihak luar khususnya pihak industri untuk menggunakan perkhidmatan makmal-makmal di UMP dengan keyakinan yang tinggi.

Pengarah Bahagian Akreditasi, Jabatan Standard Malaysia, Shahrul Sadri Alwi memuji langkah UMP yang berhasrat menjadi universiti pilihan utama dan peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan bidang kepakarannya.

"UMP membuat langkah bijak dalam memastikan makmalnya diakredit bagi memastikan keputusan pengujian yang jitu kepada pelajarnya dalam menghasilkan penyelidikan berkualiti malah berupaya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada industri dan pihak luar," katanya.

Dalam majlis ini, Dekan FKKSA, Profesor Madya Zulkafli Hassan menerima sijil pengiktirafan MS ISO/IEC 17025: 2005 daripada Shahrul Sadri Alwi disaksikan Dato' Daing Nasir.

Selain itu, beliau turut menerima sijil IMS (OSHAS:2007) yang disampaikan ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification Sdn. Bhd., Dr. Hj. Sharudin Shari.

Chemital adalah makmal kedua selepas kejayaan Makmal Kejuruteraan Awam (CELS) yang menerima pengiktirafan ini tahun lalu.